

Ahad, 7 Jun 2020 | 2:09pm



KPDNHEP ketika membuat lawatan dan advokasi penggunaan aplikasi MySejahtera kepada peniaga dan pengunjung di pusat beli-belah Alamanda. (Foto/Samadi Ahmad)

## 75 peratus premis perniagaan di Putrajaya guna aplikasi MySejahtera

Oleh Samadi Ahmad  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan semua premis perniagaan di pusat pentadbiran kerajaan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mendaftar dan mengawal kemasukan pelawat ke premis perniagaan.

Ketua Setiausaha, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata pendaftaran dan pengawalan kemasukan pelawat secara berstruktur itu memudahkan pihak berkuasa memantau serta mendapatkan maklumat individu sekiranya berlaku kes COVID-19, di kawasan tertentu.

Katanya, sebanyak 75 peratus premis perniagaan di pusat beli-belah Alamanda menggunakan aplikasi berkenaan, manakala selebihnya menggunakan aplikasi persendirian.

"Kita menyarankan pihak yang menggunakan aplikasi persendirian bertukar kepada aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pihak kerajaan memantau," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat advokasi penggunaan aplikasi MySejahtera, di Alamanda di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim dan Ketua Pengarah KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman.

Aplikasi MySejahtera diperkenalkan kerajaan itu mula digunakan, 2 Jun lalu di tiga outlet AEON.

Hasanol berkata, semua premis perniagaan wajar menggunakan aplikasi itu kerana memudahkan pelanggan dan tidak perlu menunggu lama serta berbaris panjang.

Pihaknya akan bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi menggalakkan peniaga di pusat kerajaan itu menggunakan aplikasi MySejahtera di setiap premis perniagaan.

Katanya, sewaktu pemeriksaan pihaknya turut mendapati ada premis tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan kerana gagal merekodkan butiran pelanggan dan memeriksa suhu badan.

"Premis gagal mematuhi SOP diberikan amaran lisan dan jika mengulangi kesalahan akan dikenakan tindakan termasuk tidak dibenarkan beroperasi."

"Penguatkuasa kami akan mengadakan pemeriksaan semula ke premis perniagaan tidak mematuhi SOP, selain pastikan tiada peniaga menaikkan harga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/697466/75-peratus-premis-perniagaan-di-putrajaya-guna-aplikasi-mysejahtera>